

HARIM AS AN INSTRUMENT FOR THE SUSTAINABILITY OF WATER RESOURCES

HARIM SEBAGAI INSTRUMEN KELESTARIAN SUMBER AIR

Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah ⁱ, Mohd Dani Muhamadⁱⁱ & Amal Hayati Ishakⁱⁱⁱ

- ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar PhD & Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam. fadylawaty4935@uitm.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah Kehormat, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam. mdani393@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam. amalhayati@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Water resource sustainability is currently a global crisis that is raising significant concern. This situation necessitates a distinct and more inventive strategy to address it. One way to achieve this is by combining traditional and current Islamic knowledge and practices. This paper explores the notion of harim (buffer zone) as a potent tool for enhancing the sustainability of water resources within the context of Islamic jurisprudence. This study used a qualitative methodology to investigate the capacity of harim as a tool for promoting water resource sustainability. The data was acquired through library research, and a content analysis was conducted on two volumes, namely Kitab al-I'lan bi Ahkam al-Bunyan and Kitab Qismah Wa Usul al-Aradin, as well as several periodicals and relevant literature. The research findings demonstrate that Harim employs a comprehensive and equitable strategy to ensure the long-term viability of water resources. Therefore, it is advisable to reinstate Harim's authority due to its current appropriateness in efficiently tackling the difficulties of modern water resource management.</i></p> <p><i>Keywords: Harim, Water resources, Sustainability, Fiqh, Islam.</i></p>
Abstrak	<p><i>Isu kelestarian sumber air merupakan salah satu krisis yang mencetus kebimbangan global pada masa kini. Senario ini menuntut kepada pendekatan berbeza yang lebih inovatif bagi menanganinya. Antaranya, dengan mengintegrasikan pengetahuan dan praktis tradisional Islam dan kontemporari. Kertas kerja ini mengkaji konsep harim (zon penamparan) sebagai instrumen berkesan menggalakkan kelestarian sumber air berasaskan kerangka fiqh alam bina Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka potensi harim sebagai instrumen kelestarian sumber air. Data diperoleh melalui kajian perpustakaan dan analisis kandungan dilakukan terhadap Kitab al-I'lan bi Ahkam al-Bunyan dan Kitab Qismah Wa Usul al-Aradin, jurnal-jurnal dan buku-buku berkaitan. Dapatan kajian mendedahkan bahawa harim menawarkan pendekatan holistik dan seimbang dalam mengekalkan kelestarian sumber air. Justeru, harim disaran untuk diperkasakan semula berasaskan kesesuaian semasa bagi menangani cabaran pengurusan sumber air kontemporari secara efektif.</i></p> <p><i>Kata kunci: Harim, Sumber air, Kelestarian, Fiqh, Islam.</i></p>

PENDAHULUAN

Isu kelestarian sumber air merupakan salah satu krisis yang mencetus kebimbangan global pada masa kini. Senario ini menuntut kepada pendekatan berbeza yang lebih inovatif bagi menanganinya.

Dalam konteks tradisi Islam, *harim* sumber air merujuk kepada zon penampungan yang mengelilingi struktur sumber air (sungai, perigi, terusan dan seumpamanya) tersebut. Objektif utama *harim* adalah untuk melindungi sumber air daripada eksploitasi berlebihan, pencemaran, dan ancaman lain. Konsep *harim* yang berakar umbi dalam prinsip Islam, menekankan penjagaan yang bertanggungjawab dan beretika terhadap alam sekitar. Kesannya, dapat memupuk penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang lestari dengan mengimbangi keperluan manusia dan pemeliharaan alam sekitar.

Walaupun beberapa penyelidikan lepas mengenai *harim* telah dijalankan, namun masih terdapat keperluan untuk meneroka secara spesifik potensi *harim* sebagai instrumen kelestarian sumber air. Tambahan pula, kajian lepas yang dijalankan oleh Sutherland et al., (2014) mendedahkan bahawa *harim* semakin dipinggirkan dalam praktikal kontemporari. Pengabaian ini berpunca daripada dua (2) faktor utama iaitu kurangnya kesedaran dalam kalangan ahli masyarakat bahawa sistem ini berteraskan prinsip Islam dan ketidakupayaan institusi untuk melaksanakannya. Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji mengenai *harim* secara lebih mendalam. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka potensi dan penyepaduan amalan *harim* sebagai instrumen kelestarian sumber air dalam konteks kontemporari bagi menangani cabaran air masa kini secara berkesan.

Kajian ini menggunakan dua (2) kitab fiqh alam bina sebagai sumber primer iaitu *Kitab al-I'lan Bi Ahkam al-Bunyan* dan *Kitab Qismah wa Usul al-Ardin*. *Kitab al-I'lan Bi Ahkam al-Bunyan* (Deklarasi Hukum Alam Bina) adalah hasil penulisan Muallim Muhammad b. Ibrahim al-Lakhmi atau lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-Rami (*master-mason*). Karya yang dikarang antara 1277 dan 1370 CE ini merupakan kitab yang paling komprehensif membicarakan tentang hukum alam bina. Ia mengandungi 144 kes melibatkan pelbagai aspek fiqh alam. Kes tersebut diklasifikasikan kepada lima (5) kategori: (i) jalan (ii) pembahagian tanah dan kegunaan bangunan, (iii) isu mikro seperti pencerobohan visual, (iv) dinding antara jiran dan (v) perparitan air hujan dan air sisa. Piawaian undang-undang dan etika alam bina yang dibincangkan di dalam kitab ini disandarkan kepada al-Quran dan Hadis. Ibn al-Rami menangani banyak kes perundangan dan perselisihan antara jiran dan penduduk menggunakan Syariah, *'urf* (adat), atau pendapat teknikal pakar.

Sementara itu, *Kitab Qismah wa Usul al-Ardin* (Pembahagian dan Asal-Usul Tanah) merupakan sumber utama dalam pembandaran dan seni bina Ibadi. Al-Fursuta'i, seorang ahli fiqh Ibadi yang juga merupakan arkitek dan perancang menulis karya ini di Arigh, Lembah M'zab, pada abad ke-5 dan ke-6. Antara topik yang dibincangkan di dalam kitab ini meliputi (i) pembahagian tanah dan bangunan, (ii) jaringan jalan raya [jenis, fungsi, ukuran dan penyelenggaraan], (iii) kediaman [*manzil* – pertikaian mengenai dinding, ketinggian bangunan, kedudukan pintu dan tingkap serta penyelenggaraan], (iv) *qusr* [simpanan], dan (v) terusan air [pembahagian, lokasi sumber air, pembinaan dan penyelenggaraan].

SOROTAN LITERATUR

Konsep Kelestarian Menurut Perspektif Islam

Berakar umbi sejak lebih 1400 tahun lalu, Al-Quran dan al-Sunnah telah sekian lama mengetengahkan kerangka komprehensif pembangunan lestari (Asyraf et al., 2018). Sebaliknya, perspektif sekular lebih menumpukan kelestarian dalam aspek sosial, ekonomi, dan alam sekitar, namun sering mengabaikan integrasi pembangunan rohani sebagaimana terkandung ajaran Islam (Asyraf et al., 2018).

Asas kelestarian dari perspektif Islam diasaskan kepada konsep *hablumminallah* (hubungan antara manusia dengan Allah), *hablumminannas* (hubungan sesama manusia), dan *hablumminal'alam* (hubungan antara manusia dan alam sekitar) (Majid et al., 2017). Konsep kelestarian ini menekankan kepentingan memenuhi keperluan semasa tanpa

menjejaskan generasi akan datang (Asyraf et al., 2018). Pendekatan Islam terhadap kelestarian berpusat pada prinsip asas yang ditekankan dalam al-Quran. Ia meliputi *'adl* (keadilan), *mizan* (keseimbangan), *wasat* (kesederhanaan), *rahmah* (rahmat), amanah (kepercayaan dan penjagaan), *taharah* (kesucian dan kebersihan fizikal), serta *'ilm nafi'* (ilmu bermanfaat) (Tariq & Khan, 2013). Prinsip-prinsip ini mengawal interaksi manusia, keseimbangan ekologi, perancangan ekonomi, dan kelakuan beretika dengan cara memastikan keharmonian dengan alam sekitar dan pertimbangan untuk generasi akan datang.

Konsep kelestarian turut dimanifestasikan melalui aplikasi prinsip *'La Darar'* dalam Islam. Prinsip tersebut menggariskan kepentingan mencegah tindakan yang mendatangkan kemudaratan kepada orang dan makhluk lain (Tariq & Khan, 2013). Dalam konteks pemeliharaan sumber air, Islam menganjurkan pemanfaatan sumber air secara seimbang tanpa mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar atau sesama makhluk. Selain itu, kesederhanaan dalam penggunaan sumber asli dan persekitaran turut mencerminkan nilai kelestarian Islam (Halim & Akhir, 2016). Aspek kelestarian sumber air meliputi pemeliharaan kualiti dan kuantiti air. Islam memberi penekanan terhadap penjagaan sumber air secara bertanggungjawab (amanah untuk memastikan ketersediaannya untuk generasi akan datang).

Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis potensi *harim* sebagai instrumen kelestarian sumber air. Kajian ini berusaha untuk menyumbang kepada wacana global mengenai kelestarian sumber air berasaskan praktis *harim* yang terkandung dalam perundangan Islam (fiqh). Melalui analisis komprehensif mengenai *harim* sumber air dan penyelarasannya dengan prinsip kelestarian kontemporari, penyelidikan ini menawarkan dimensi baru menangani cabaran alam sekitar masa kini dan memupuk hubungan harmoni antara manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekitar.

Kepentingan Air Menurut Perspektif Islam

Terdapat tujuh (7) sumber air sama ada air dari langit dan bumi yang diiktiraf berkualiti (mutlaq) dalam fiqh Islam. Apa yang dimaksudkan dengan air dari langit adalah air hujan, salji dan embun manakala air dari bumi adalah air zam-zam, air mata air, air perigi, air sungai dan air laut (Mokhtar & Abdullah, 2012).

Al-Qur'an menguatkan kepentingan air sebagai sumber yang memberi kehidupan, membersihkan, menyucikan, mengekalkan penciptaan dan menggariskan kesalinghubungan keperluan air kepada kemanusiaan, alam, dan kerohanian. Ini berkait secara harmoni dengan prinsip kelestarian air yang menekankan pengiktirafan terhadap kepentingan pelbagai aspek air (Ghazali & Sabjan, 2023). Jadual 1 di bawah merumuskan kegunaan air menurut perspektif al-Quran.

Jadual 1: Kegunaan Air Menurut Perspektif al-Quran

Bil	Kegunaan Air	Surah & ayat
1	Minuman manusia dan haiwan serta menyuburkan tanaman.	al-Nahl (16): ayat 10 al-Waqi'ah (56): ayat 17-21
2	Ejen pembersihan fizikal (diri, pakaian, kediaman dll) dan rohani (dari gangguan syaitan).	al-Mudatthir (74): ayat 4 al-Anfal (9): ayat 11
3	Menyuburkan alam, menghijaukan landskap dan menyeimbangkan ekosistem.	al-Nahl (16): ayat 65 al-Ruum (30): ayat 24 al-Hajj (22): ayat 63
4	Sumber rezeki melalui aktiviti ekonomi seperti pertanian, penternakan dan perikanan.	al-Baqarah (2): ayat 22 al-Jaathiyah (45): ayat 12 al-Maidah (5): ayat 96
5	Medium komunikasi antara wilayah dan antarabangsa.	Luqman (31): ayat 31
6	Perkembangan ilmu pengetahuan.	Al-Mulk (67): ayat 30

Sumber: (Mokhtar & Abdullah, 2012; Ghazali & Sabjan, 2023)

Isu-isu Air Kontemporari

Tidak dinafikan, terdapat pelbagai isu atau krisis air yang dihadapi pada masa kini, yang bukan hanya menimbulkan masalah kepada generasi sekarang, bahkan kepada generasi akan datang.

Antara isu air adalah berkaitan kemerosotan kualiti air. Ia disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk pencemaran kumbahan, air larian pertanian, sisa industri, pencerobohan air masin, dan hakisan tanah yang semakin menyerlahkan cabaran terhadap kelestarian air (KetTHA et al., 2018; Anuar et al., 2019). Ini dikuatkan dengan isu ketidakcekapan dalam pengagihan air, penetapan harga, dan ketidakefisienan pengurusan (Anis Syazwani Sukereman, 2017). Kebimbangan mengenai kemerosotan kualiti air, yang dikaitkan dengan tindakan manusia yang tidak beretika, turut menggariskan pentingnya etika dan pengurusan bertanggungjawab yang mendasari kelestarian air (Mokhtar & Abdullah, 2012).

Isu-isu yang diutarakan menyumbang kepada kekurangan air dan kemerosotan kualiti air yang akhirnya menjejaskan kelestarian sumber air. Dalam masa sama, tekanan dan permintaan yang semakin meningkat ke atas sumber air di seluruh dunia mencerminkan wujudnya keperluan dan tindakan proaktif dalam menangani isu kelestarian sumber air ini.

Penggunaan dan Pemeliharaan Air Menurut Islam

Ajaran Islam menekankan penggunaan air secara bijaksana dan bersederhana (Mokhtar & Abdullah, 2012). Hal ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) keenam (6), ‘Untuk memastikan akses kepada air dan sanitasi untuk semua’.



Sumber: Oo et al. (2022)

Bagi tujuan tersebut, 6 matlamat telah disasarkan oleh UN Habitat sebagaimana dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Sasaran Matlamat 6 SDG ‘Untuk memastikan akses kepada air dan sanitasi untuk semua’

Bil.	Matlamat
6.1	Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.
6.2	Menjelang 2030, mencapai akses kepada sanitasi dan kebersihan yang mencukupi dan saksama untuk semua dan menamatkan pembuangan air besar secara terbuka, memberi perhatian khusus kepada keperluan wanita dan kanak-kanak perempuan serta mereka yang berada dalam situasi yang terdedah.

6.3	Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global.
6.4	Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air
6.5	Menjelang 2030, melaksanakan pengurusan sumber air bersepadu di semua peringkat, termasuk melalui kerjasama rentas sempadan mengikut kesesuaian.
6.6	Menjelang 2020, melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air, termasuk gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik.
6A	Menjelang 2030, meluaskan kerjasama antarabangsa dan sokongan pembinaan kapasiti kepada negara membangun dalam aktiviti dan program berkaitan air dan sanitasi, termasuk penuaian air, penyahgaraman, kecekapan air, rawatan air sisa, kitar semula dan teknologi guna semula.
6B	Menyokong dan mengukuhkan penyertaan masyarakat setempat dalam menambah baik pengurusan air dan sanitasi.

Sumber: UN Sustainable Development

Dapat difahami bahawa sebahagian besar matlamat 6 SDG di atas amat selari dengan pendekatan Islam. Ini bersesuaian dengan intipati etika Islam yang menitikberatkan pemeliharaan air dan pemuliharaan air untuk kesejahteraan semua makhluk (Golkar, 2020). Perspektif holistik ini berakar umbi dalam al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW yang mengarahkan umatnya untuk melindungi sumber air bagi melindungi pelbagai bentuk hidupan dan ekosistem yang bergantung kepada sumber air tersebut (Mokhtar & Abdullah, 2012).

Panduan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW tentang pemuliharaan air adalah praktikal serta seimbang antara keperluan manusia dan penjagaan alam sekitar. Rasulullah SAW secara terang-terangan melarang pembaziran air, walaupun untuk tujuan bersuci. Menggunakan air secara berlebihan ketika berwuduk disifatkan haram dalam Islam. Sebaliknya, baginda SAW menyarankan penggunaan air dalam kadar sederhana dan bertanggungjawab. Selain itu, Rasulullah SAW telah melarang para sahabat daripada membuang air kecil ke sumber air yang bertakung (tidak mengalir), sebagaimana diriwayatkan di dalam Sahih Muslim. Hadis ini memberikan indikator larangan mencemarkan sumber air dengan cara membuang najis, sampah, atau sisa kimia dan seumpamanya untuk memelihara kesucian sumber air.

Jelas, ajaran Islam dan prinsip kelestarian air mewujudkan hubungan harmoni antara penggunaan air dan pemuliharaan sumber air. Perundangan Islam ini bukan sahaja mewajibkan pemuliharaan air, bahkan pencegahan pencemaran air. Ia menggariskan tanggungjawab bersama individu, komuniti, dan autoriti untuk memastikan penggunaan dan perlindungan sumber air yang lestari. Integrasi perundangan Islam dengan praktikal mencerminkan komitmen yang mendalam terhadap masa depan air yang lebih lestari dan saksama.

Konsep Harim

Umumnya, *harim* merujuk kepada zon penamparan yang mengelilingi hartanah atau struktur bangunan bertujuan memelihara penggunaannya dan mencegah aktiviti yang boleh memudharatkan fungsi, merosakkan atau mencemarkannya (Barau, 2010a). *Harim* memainkan peranan penting dalam pengurusan sumber asli dan pemeliharaan alam sekitar lestari seperti hutan dan kawasan lain untuk faedah masyarakat dan generasi akan datang (Barau, 2010a). Manakala *harim* sumber air merujuk kepada kawasan/zon yang mengelilingi badan air seperti telaga, mata air, atau sungai yang membolehkan akses manusia atau haiwan terhadapnya tanpa menyebabkan kesesakan, kerosakan kepada tanah orang lain, atau mencemarkan air tersebut (Jamel Akbar, 1984; Mustapha Ben Hamouche,

2010). Zon ini tidak boleh diceroboh atau dibangun bagi mengekalkan keseimbangan ekologi (Azisi et al., 2023; Barau, 2010b; Jakiyudin & Wibisono, 2023).

Konsep *harim* memainkan peranan penting dalam menjaga sumber air dan memelihara integritinya. Pada dasarnya, konsep *harim* muncul sebagai alat strategik yang berteraskan ajaran Islam untuk memastikan kesucian sumber air (Jakiyudin & Wibisono, 2023). Ini berasaskan kepada praktis Nabi Muhammad SAW yang menetapkan sempadan *harim* sebagai suatu kawasan yang tidak boleh diganggu atau dirosakkan untuk menjaga aliran air dan juga fasiliti umum lainnya yang diperlukan oleh komuniti sekitarnya (Azisi et al., 2023). Penubuhan *harim* dalam tradisi Islam memberikan gambaran kerangka pengurusan sistematik yang mengharmonikan penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang bertanggungjawab. Konsep ini menggariskan kaitan intrinsik antara tindakan manusia dan pemeliharaan alam sekitar, dan mencerminkan pendekatan menyeluruh yang wujud dalam prinsip Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif, menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dengan fokus utama kepada dua kitab fiqh alam bina klasik, iaitu *Kitab al-I'lan Bi Ahkam al-Bunyan* dan *Kitab Qismah Wa Usul al-Aradhin*. Sumber primer ini menawarkan pandangan menyeluruh tentang perspektif Islam yang berkaitan dengan topik kajian. Melengkapkan teks klasik, jurnal kontemporari dan sumber yang berkaitan juga dirujuk untuk memastikan pemahaman yang menyeluruh.

Selaras dengan metodologi kualitatif ini, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menjelaskan perspektif *harim* sebagai instrumen kelestarian sumber air berasaskan tema yang dipilih. Proses analisis kandungan, sejajar dengan pendekatan Braun dan Clarke (2006) terdiri daripada enam (6) langkah: (i) mengenal pasti sumber literatur, (ii) menyenaraikan kod khusus, (iii) mengenal pasti corak atau tema, (iv) menyerlahkan tema, (v) menilai tema yang dikategorikan dan (vi) menghasilkan laporan komprehensif.

Aspek kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) adalah penting dalam metodologi penyelidikan. Dalam kajian yang hanya bergantung kepada sumber teks iaitu *Kitab al-I'lan Bi Ahkam al-Bunyan*, *Kitab Qismah Wa Usul al-Aradhin*, serta jurnal dan buku, ia dilakukan melalui pengesahan silang penemuan (*triangulation*) merentasi pelbagai sumber sahih dan berautoriti, semakan konsistensi dalam teks yang dipilih, dan perhatian kepada kontekstualisasi sejarah. Pemeriksaan menyeluruh terhadap petikan, rujukan, dan artikulasi telus metodologi meningkatkan lagi kredibiliti dan kesahihan proses penyelidikan yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Saiz atau Keluasan *Harim* Sumber Air

Harim sumber air melibatkan telaga, mata air, atau sungai yang membolehkan akses manusia atau haiwan terhadapnya tanpa menyebabkan kesesakan, kerosakan kepada tanah orang lain, atau mencemarkan air tersebut (Jamel Akbar, 1984; Mustapha Ben Hamouche, 2010).

Saiz atau keluasan *harim* berbeza-beza bergantung pada kepelbagaian pandangan fuqaha. Sebahagian mereka mengambil pendekatan yang lebih fleksibel manakala yang lain mengambil pendekatan yang lebih ketat. *Kitab al-I'lan bi Ahkam al-Bunyan* menyebutkan bahawa *harim* sebuah perigi antara 25 hingga 1000 hasta dan mungkin bergantung kepada jenis perigi dan tempatnya (al-Rami, 1999). Nabi SAW menyatakan bahawa *harim perigi badiyy* adalah 25 hasta (al-Rami, 1999). Ibn Shihab menyebut bahawa dia telah mendengar orang berkata bahawa *harim* mata air adalah 500 hasta dan sungai adalah 1000 hasta. Hadis lain, yang diriwayatkan oleh Ibn Wahb, menyatakan bahawa *harim perigi 'adiyy* adalah 50 hasta, perigi *badiyy* adalah 25 hasta dan mata air adalah 500 hasta (al-Rami, 1999). *Kitab al-I'lan* menyebutkan bahawa saiz sebenar *harim* mungkin berbeza-beza bergantung pada keadaan khusus dan tafsiran fuqaha berkaitan. Sesetengah ulama berpandangan bahawa

harim perigi tidak mempunyai sempadan yang jelas, tetapi sempadan yang disebutkan oleh Ibn Shihab tidak boleh diabaikan.

Perbincangan mengenai *harim* di dalam *Kitab Qismah* didapati lebih mendalam. Terdapat tiga (3) klasifikasi mata air sama ada; (i) semula jadi, (ii) buatan atau (iii) tidak diketahui sama ada semula jadi atau buatan (Ahmad ibn M. Nuffusi, 1997). Keperluan harim pula dilihat sama ada ianya mata air lama atau baru. Bagi mata air lama, saiz *harim* berbeza antara 20 sehingga 100 hasta manakala bagi mata air baru, penetapan *harim* adalah antara 20-50 hasta (Ahmad ibn M. Nuffusi, 1997). Bagi perigi, *harimnya* adalah antara 20-40 hasta dari setiap sudut. Sekiranya ada ternakan meminum air daripada perigi tersebut, saiz *harim* adalah 40 hasta dari sudut binatang tersebut minum. Jika binatang ternakan meminum air dari pelbagai sudut perigi tersebut, maka saiz *harim* adalah antara 20-40 hasta daripada pelbagai sudut. *Harim* bagi laut atau pantai yang dinyatakan dalam kitab ini sama ada 40,100 atau 500 hasta (Ahmad ibn M. Nuffusi, 1997).

Sementara itu, *Majallah Ahkam al-'Adliyyah* telah memperincikan saiz *harim* berasaskan sistem pengukuran Turki yang dilihat hampir sama dengan apa yang dibincangkan di dalam kedua kitab sebelumnya. Saiz atau keluasan *harim* sumber air adalah sebagaimana Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Saiz / Keluasan harim

Bil.	Komponen	Saiz/keluasan <i>harim</i>	Nombor artikel
1	Perigi	40 arshin	1281
2	Mata air	500 <i>arshin</i> (setiap sisi)	1282
3	Sungai besar	Jumlah tanah yang melekat pada kedua-dua belah sungai adalah sama dengan keluasan keseluruhan sungai.	1283
4	Sungai kecil termasuk saluran air, terusan dan saluran bawah tanah	Jumlah (tanah) yang cukup besar untuk dilemparkan batu dan lumpur apabila dibersihkan.	1284
5	Saluran air (sepanjang permukaan tanah)	500 arshin	1285

Sumber: Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah (1967)

*Di Turki, Arshin boleh dirujuk kepada unit ukuran panjang di mana 1 arshin bersamaan 1 meter mengikut undang-undang 1881 (<https://www.sizes.com/units/arshin.htm>)

Banyak kajian kontemporari mendapati bahawa terdapat kepelbagaian penetapan saiz harim berasaskan kesesuaian sumber air, bagi melindungi dan memudahkan penyelenggaraan. Hadis Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa *harim* perigi adalah antara 40-60 hasta untuk melindungi air daripada pencemaran dan mencegah penipisan tanahnya (Foltz, 2002; Mustapha Ben Hamouche, 2010). Menariknya, ramai pengkaji kontemporari menyatakan bahawa tidak ada spesifikasi khusus bagi saiz dan keluasan *harim*. Sebagai contoh, al-Karaji berpandangan bahawa saiz *harim* bergantung kepada pelbagai faktor seperti jenis infrastruktur hidro, spesifik sumber air, geologi, dan lokasi sumber air (Mohtashami et al., 2023). Manakala Iran (2014) pula menyatakan bahawa saiz *harim* bergantung kepada undang-undang dan adat setempat. Seterusnya, Ahmad (1999) menjelaskan tiada diameter tetap bagi saiz *harim*. Namun, kriteria utama yang perlu dipertimbangkan adalah kemampuan saiz tersebut untuk menghalang pencemaran air. Justeru, beliau mencadangkan bahawa penentuan kesesuaian saiz *harim* perlu dirujuk kepada pakar hidrologi.

Untuk mengekalkan kualiti air, Hawes & Smith (2005) menyatakan bahawa dimensi *harim* yang disyorkan adalah berbeza. Sebagai contoh, bagi tujuan pengekalan nutrien seperti nitrogen dan fosforus, saiz bersesuaian adalah antara 16 hingga 164 kaki. Penyelidikan lepas mendapati bahawa saiz *harim* semula jadi selebar 49 kaki berkesan mengurangkan fosforus dalam air larian permukaan (Hawes & Smith, 2005). Untuk tujuan

penapisan racun perosak, lebar *harim* bersesuaian adalah antara 49 hingga 328 kaki, bergantung kepada kaedah penggunaan penapisan tersebut (Hawes & Smith, 2005). Seterusnya, dalam menangani kebimbangan biocegar seperti koliform najis, Universiti Georgia mencadangkan kelebaran *harim* adalah 30 kaki atau lebih luas (Hawes & Smith, 2005). Secara ringkasnya, kepelbagaian saiz *harim* yang disarankan oleh fiqh dan kajian saintifik menyerlahkan pendekatan berbeza yang dipertimbangkan untuk menjaga kualiti air dan keseimbangan ekologi.

Peraturan *Harim* Sumber Air

Terdapat peraturan khusus mengenai *harim* melibatkan pemilikan dan larangan pembangunan di sekitar *harim*:

1. Pemilikan *Harim*

Pemilik *harim* diberi kuasa untuk melindungi sumber air daripada pencerobohan dan bahaya (Nasri, 2018). *Kitab I'lan* menekankan bahawa pemilik mempunyai kewajipan untuk mencegah pelanggaran atau pencerobohan *harim* oleh pihak lain, dan beliau berhak mendapatkan akses selamat untuk sampai kepada *harim* tersebut (al-Rami, 1999). Ini selari dengan pandangan Iran (2014) bahawa pemilik mempunyai kuasa untuk campur tangan dan menghalang sebarang pencerobohan yang boleh menjejaskan pengeluaran air (Iran, 2014).

2. Larangan Membangunkan (*Imarah*) *Harim*

Harim adalah milik pemilik binaan dan ia tidak boleh dicerobohi atau dirosakkan oleh orang lain tanpa kebenaran pemiliknya (Nasri, 2018). Begitu juga, *harim* merupakan kawasan yang tidak boleh dibangunkan kerana ia berfungsi sebagai zon perlindungan bagi kawasan sekitarnya (Ahmad Zaharuddin, 2004; Jamel Akbar, 1984). Analisis Mohtashami et al. (2023) menyerlahkan kerangka undang-undang *harim* yang melarang pembinaan sebarang struktur sama ada yang sama dengan sumber air sedia ada seperti perigi atau struktur binaan lain dalam jarak sumber air yang ditentukan. Perundangan ini menyerlahkan tentang amalan kelestarian dengan cara memastikan pemeliharaan sumber air sedia ada. Peraturan kardinal yang dikemukakan oleh Foltz (2002) melarang pembangunan bersebelahan *harim* bertujuan mengekalkan kualiti dan kebolehcapaian air. Prinsip ini menggariskan pentingnya mengekalkan kawasan ini dalam keadaan semula jadi untuk mengelakkan degradasi. *Harim* juga memainkan peranan pemuliharaan dan mewujudkan keseimbangan ekologi (Mangunjaya, 2014).

Prinsip ini ditekankan dalam *Kitab I'lan* dan *Kitab Qismah*, mewujudkan konsensus yang jelas mengenai larangan pembangunan *harim* bagi mengelakkan sebarang potensi bahaya atau kemudharatan (Ahmad ibn M. Nuffusi, 1997; al-Rami, 1999). *Kitab al-I'lan* menyentuh mengenai larangan pembangunan di sekitar *harim* kerana boleh memudharatkan. Ini kerana, sesetengah *harim* berfungsi sebagai tempat binatang duduk atau berehat. Bagi perigi, sebarang tindakan seperti menggerudi atau menggali telaga, tangki septik baru dan pembinaan bangunan adalah dilarang dalam radius tersebut. Pemilik perigi berhak menghalang orang lain daripada menggali dalam *harim* mereka untuk melindungi perigi dan menyediakan akses untuk haiwan. *Kitab I'lan* menekankan bahawa pemilik mempunyai kewajipan untuk mencegah pelanggaran *harim*. Pemilik mempunyai kuasa untuk campur tangan dan menghalang sebarang pencerobohan yang boleh menjejaskan *harim*.

Menurut *Kitab Qismah*, kawasan sekitar *harim* dilarang untuk dibangunkan sekalipun bagi pembangunan ringan seperti bercucuk-tanam di sekitarnya. Sebagai contoh, jika ingin menggali perigi sebagai sumber air berhampiran *wadiyy* tersebut, keluasan saiz *harim* perlu ditambah antara 5-10 hasta lagi untuk mengelakkan *dharar*. Tidak ada sebarang bentuk pembangunan, binaan atau penanaman boleh dilakukan di kawasan *harim*. Secara lebih spesifik, larangan membangunkan *harim* yang dikupas di dalam *Kitab Qismah* menyentuh tentang larangan mengubahsuai saiz *harim*; sama ada ditambah atau

dikurangkan sebagaimana dipersetujui sebelumnya sekiranya melibatkan tanah milik orang lain. Begitu juga dalam keadaan berlaku jual beli tanah antara pemilik baru dan lama, hukumnya adalah harus *harim* lama dikekalkan seperti asal. Perbincangan mengenai keperluan *harim* juga diperincikan dalam permasalahan di mana pemilik telah memberikan tanahnya kepada pihak lain melalui hibah atau filantropi lain; di mana pemilik baru perlu mengekalkan *harim* tersebut.

PERBINCANGAN

Dimensi atau saiz *harim* menyerlah kepentingan mengekalkan kelestarian sumber air. Saiz atau keluasan *harim* sangat mempengaruhi strategi konservasi kualiti air, keseimbangan ekologi, dan ketersediaan berkekalan sumber penting ini. Saiz *harim* menjadi faktor utama dalam keupayaannya untuk melindungi sumber air daripada pencemaran. *Harim* yang lebih luas mewujudkan perimeter perlindungan lebih besar yang bertindak sebagai benteng semula jadi yang menghalang pencerobohan bahan pencemar. Penghalang proaktif ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesucian air, menghalang kemasukan bahan cemar, dan melindungi integriti yang wujud dalam ekosistem akuatik. Begitu juga, dimensi *harim* dapat menghalang eksploitasi tidak terkawal yang boleh menyebabkan kehabisan sumber. *Harim* bukan sahaja memastikan ketersediaan air untuk keperluan manusia tetapi juga mengekalkan kesejahteraan ekosistem sekeliling, sekali gus menyokong matlamat yang lebih luas iaitu kelestarian. Atribut geologi, amalan guna tanah, dan dinamik sosio-ekonomi semuanya membentuk penentuan dimensi *harim*.

Di samping itu, konsep pemilikan *harim* merangkumi asas penting menangani kelestarian sumber air melalui kesalinghubungan antara perundangan Islam mengenai *harim*, aplikasi pragmatik dan etika. Pemilikan *harim* memberi kuasa kepada pemilik untuk menjaga sumber air. Kepentingan pemilikan *harim* mewujudkan kerangka pengawasan sumber air yang komprehensif. Pemilik menyedari hak undang-undang mereka dan memikul tanggungjawab melindungi sumber air daripada pencerobohan dan potensi bahaya. Komitmen ini memperkukuh ketersediaan air bersih yang lestari dan mengurangkan bahaya pencemaran. Asas-asas didaktik yang dihuraikan dalam Kitab l'lan berfungsi sebagai contoh imperatif yang menyokong pemilikan *harim*. Pemilik diamanahkan dengan mandat etika untuk menghalang pelanggaran *harim* dan memastikan akses tanpa halangan, seperti yang digariskan oleh al-Rami (1999). Tanggungjawab ini menekankan saling kebergantungan intrinsik pemilikan *harim*, memupuk keseimbangan harmoni antara kesejahteraan manusia dan kestabilan ekosistem yang lebih luas. Melalui kewaspadaan mereka terhadap campur tangan yang tidak dibenarkan, pemilik bertindak sebagai penjaga keharmonian ekologi. Ringkasnya, perundangan Islam mengenai pemilikan *harim* mengintegrasikan undang-undang, usaha pragmatik, dan imperatif etika sebagai satu paradigma holistik yang melindungi kualiti air, menambah kebolehcapaian, dan menjamin kelestarian sumber yang tidak ternilai ini.

Larangan membangunkan (*imarah*) *harim* menjadi tonggak penting dalam usaha mencapai pengurusan sumber air yang lestari. Peranannya mengatasi kawalan bahaya atau kemerosotan, bahkan memelihara keseimbangan ekologi dan menjamin sumber air untuk generasi akan datang. Larangan ini dapat mengekalkan sumber air ini dalam keadaan aslinya bagi mengelakkan potensi kemerosotan untuk pemuliharaan jangka panjang. Pendekatan berpandangan jauh ini mencerminkan misi menyeluruh kelestarian untuk memupuk sistem dan sumber semula jadi yang dapat memenuhi keperluan generasi masa kini dan akan datang. Selain itu, larangan ini merangkumi etika holistik pengurusan lestari. Ia bukan sahaja merangkumi dimensi undang-undang tetapi melibatkan aspek praktikal untuk menegakkan keseimbangan ekologi. Dengan melarang sebarang perubahan atau campur tangan dalam *harim*, prinsip *imarah harim* menyuarakan seruan naratif kelestarian untuk mengharmonikan usaha manusia dengan kesejahteraan alam sekitar. Pada dasarnya, larangan membangunkan *harim* memanasifestasikan intipati kelestarian. Ia menyerlahkan bahawa tindakan bijak pada masa kini boleh melindungi sumber air untuk generasi akan

datang. Larangan ini mewujudkan strategi bersepadu untuk memastikan kelestarian sumber air.

Berasaskan dapatan, dapat difahami bahawa *harim* merujuk kepada kawasan larangan yang diwujudkan untuk menyediakan keselamatan, kesejahteraan, dan perlindungan komuniti, ekologi dan biodiversiti dalam alam bina. Kepelbagaian jenis harim dan tujuannya dapat membantu mewujudkan alam bina yang lebih inklusif dan selamat. Ini selari dengan konsep *harim* berakar umbi dalam prinsip Islam untuk melindungi masyarakat, menekankan kelestarian, tanggungjawab sosial dan perlindungan alam sekitar yang lebih luas. Satu aspek yang mesti diberi perhatian ialah peraturan *harim* dari perspektif fiqh untuk diadaptasikan dengan konteks kontemporari berdasarkan keperluan dan nilai masyarakat.

Kajian ini mempunyai membawa implikasi yang signifikan dengan pengurusan sumber air kontemporari di Malaysia. Paling utama, penyelidikan ini menawarkan panduan kepada penggubal dasar mengenai praktis harim untuk diberikan perhatian dalam dasar dan pengurusan sumber air masa kini. Dengan memberikan tumpuan pada harim (zon penampungan) sebagai penapis semula jadi, ia berpotensi meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan kemasukan bahan pencemar ke dalam badan air. Selain itu, penyelidikan ini menekankan kepentingan zon penampungan dalam pemuliharaan biodiversiti, sebagai habitat kritikal untuk kepelbagaian flora dan fauna. Kajian ini turut memberikan penekanan terhadap kepentingan penglibatan masyarakat dalam amalan pengurusan air yang lestari. Selain itu, penemuan kajian mencadangkan pendekatan strategik kepada daya tahan perubahan iklim dengan memasukkan *harim* (zon penampungan) ke dalam strategi penyesuaian. Implikasi kajian turut meluas kepada jangkauan pendidikan yang boleh disebarluaskan melalui kempen berimpak untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai, penggubal dasar dan pihak berkepentingan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air sebagai satu tanggungjawab agama dan moral. Akhirnya, penyelidikan ini menyokong inisiatif kerjasama yang melibatkan badan kerajaan, NGO, komuniti tempatan, dan NGO bagi memupuk pendekatan holistik dan bersepadu ke arah memastikan jangka hayat dan kelestarian sumber air di Malaysia.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini memberikan penerokaan menyeluruh tentang kepentingan *harim* sebagai instrumen kelestarian sumber air. Dapatan daripada *Kitab al-I'lan Bi Ahkam al-Bunyan* dan *Kitab Qismah Wa Usul al-Aradhin* serta sumber-sumber berkaitan menawarkan pandangan berharga tentang pemuliharaan air berasaskan perspektif fiqh. Analisis kandungan mendapati bahawa Islam bukan sahaja menegaskan larangan pembaziran air, bahkan menjelaskan dimensi ekologi, biodiversiti, dan penglibatan masyarakat yang lebih luas yang dikaitkan dengan *harim*. Pendekatan holistik berasaskan prinsip-prinsip perundangan Islam, menyokong pemeliharaan dan penggunaan sumber air secara berhemah, menyumbang kepada pengurusan air yang lestari.

RUJUKAN

Akta / Polisi

Golkar, S. (2020). Taking back the neighbourhood the IRGC Provincial Guard's Mission to Re-Islamize Iran. Policy Notes, PN81.

KeTTHA, KPM, YaHIJau, & CETREE. (2018). Modul Teknologi Hijau Kimia.

Buku

Ahmad ibn M. Nuffusi. (1997). *Qismah Wa-Usul al-Ardin: Kitab Fi Fiqh Al-'Imarah Al-Islamiyah*. J. al-Turath.

al-Rami, I. (1999). *Kitab Ahkam Al-Bunyan*. Markaz An-Nashr al-Jama'i.

Barau, A. S. (2010a). Islamic instruments for sustainable urban spatial planning and management. In: Lehmann S, Al Waer H., Al Qawasmi J. (Edt). Sustainable

- architecture and urban development. Amman: Centre for the Study of Architecture in the Arab Region, 355-371.
- Barau, A. S. (2010b). Integrating Islamic models of sustainability in urban spatial planning and management. In: Lehmann S, Al Waer H., Al Qawasmi J. (Edt). Sustainable architecture and urban development. Amman: Centre for the Study of Architecture in the Arab Region.
- Kobori, I. (1956). *Iwao Kobori of Qanat*. T.tp.
- Mangunjaya, F. M. (2014). *Islam and natural resource management*. In: J. E. McKay (Ed.), Integrating Religion within Conservation: Islamic Beliefs and Sumatran Forest Management (Issue January).
- Oo, C. K., Mat, H., Shafie, N., Hamidon, Z., & Abdullah, M. L. (2022). *Matlamat Pembangunan Lestari Merentasi Kurikulum: Modul Latihan Guru*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).

Dokumen

- Hawes, E., & Smith, M. (2005). Riparian Buffer Zones: Functions and Recommended Widths. Yale School of Forestry and Environmental Studies, April, 15.
- Iran, I. R. (2014). Proposal for a Globally Important Agricultural Heritage System (GIAHS) Qanat Irrigated Agricultural Heritage Systems. Kashan, Isfahan Province Islamic Republic of Iran (Issue April).
- Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah. (1967). The Majelle (C.R. Tyser, et al Trans.). Lahore: Law Publishing Co., reprint.

Jurnal

- Ahmad, A. (1999). Islamic Water Law as an Antidote for Maintaining Water Quality. *U. Denv. Water L. Rev.*, 2(2), 169.
- Asyraf, Rahman, A., Said, S., Salamun, H., Aziz, H., Adam, F., Ibrahim, W., & Ahmad, W. (2018). Sustainable Development from Islamic Perspective. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 9(4), 985-992.
- Azisi, A. M., Rafida, A., Jamaluddin, M., & Rahmad, D. (2023). Islam dan Ekoteologi (Telaah Terhadap Pesan Al- Qur 'an untuk Menjaga Kearifan Lingkungan. *Afkar Journal*, 6(3), 100-115.
- Foltz, R. C. (2002). Iran's water crisis: cultural, political, and ethical dimensions. *Journal of agricultural and environmental ethics*, 15, 357-380.
- Ghazali, U. Z. M., & Sabjan, M. A. (2023). Konsep Halalan Toyyiba dalam Penggunaan Air. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 289-303.
- Halim, I. A., & Akhir, N. S. M. (2016). Tafsir ayat-ayat Al-Quran berkenaan penjagaan alam sekitar. *Afkar*, 18(1), 91-130.
- Jakiyudin, A. H., & Wibisono, V. F. (2023). Revitalizing Ecotourism in Indonesia: A Green Economy Vision Through the Lens of Fiqh Biah. *Jurnal Hukum Bisnis Islam*, 15(2), 217-233.
- Majid, N. H. A., Denan, Z., Rahim, Z. A., Nawawi, N. M., & Hazman, S. N. (2017). Sustainability concepts in Malay and aceh traditional houses. *Planning Malaysia*, 15(1), 1-12.
- Mohtashami, A., Al-Ghafri, A. S., & Akbarpour, A. (2023). Qanat's hydraulic harim determination using the meshless numerical method. *Journal of Hydroinformatics*, 25(3), 1103-1120.
- Mokhtar, M. I., & Abdullah, R. (2012). Undang-undang air islam: Analisis komparatif terhadap aspek kualiti air: Islamic Law of Water: Comparative Analysis of The Quality Aspects of Water. *Jurnal Syariah*, 20(2), 185-218.
- Mustapha Ben Hamouche. (2010). Urban regulation in Islamic law through an Ottoman manuscript. *Journal of Islamic Law and Culture*, 12(3), 284-307.
- Nasri, M. S. (2018). Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1(1), 110-126.

Sutherland, W. J., Gardner, T. A., Haider, L. J., & Dicks, L. V. (2014). How can local and traditional knowledge be effectively incorporated into international assessments? *Oryx*, 48(1), 1-2.

Laman Sesawang

Mortada, H. (2002). Urban sustainability in the tradition of Islam. www.witpress.com (diakses pada 19 September 2023).

Sizes. (t.t). Arshin. www.sizes.com/units/arshin.htm (diakses pada 22 September 2023).

Seminar & Konferens

Ahmad Zaharuddin, S. A. S. (2004). *Nilai Pengurusan Air Secara Islam dalam Komuniti dalam Pascamoden*. Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), July.

al-Qimaqche N., Al-Omari H., (2013). *Sustainable Arcitecture Through Islamic Pererspective*. In: Tariq & Khan (Ed) *The International and Middle East Conference on Sustainability and Human Development*, Abu Dhabi.

Anuar, N. U., Redzuan, A. E., Rosnan, N. N. H., Rosli, N. S. M. F. A., & Chik, W. M. Y. W. (2019). *Pemuliharaan sungai menurut Islam dan aplikasinya*. In: S. Fahmy, S. H. S. Omar, N. Abdullah, & R. M. Mohamed (Eds.), *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management 158-167*. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Tesis & Disertasi

Akbar, J. A. (1984). *Responsibility and the traditional Muslim built environment*. Doctoral dissertation, Massachusetts Institute of Technology.

Anis Syazwani Sukereman. (2017). *Rangka Kerja Pelaksanaan Projek Pengurusan Sumber Air Bersepadu Ke Arah Pencapaian Tadbir Urus Air Terbaik*. Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.